

Johor catat 5,234 kes HFMD setakat 4 Jun

JOHOR BAHRU - Sebanyak 5,234 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) direkodkan di Johor setakat 4 Jun lepas, meningkat 50 kali ganda daripada 104 kes yang dicatat dalam tempoh sama, tahun lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 4,594 kes melibatkan kanak-kanak berumur sehingga enam tahun, manakala tujuh hingga 12 tahun adalah 564 kes dan selebihnya merupakan mereka yang berumur lebih 13 tahun.

"Sebanyak 41 wabak HFMD dikesan di taska, diikuti rumah persendirian (18), tabika (13), tadika (lapan), prasekolah (tujuh), sekolah rendah (tiga), pusat jagaan harian (dua) dan lain-lain (tiga)," katanya

menerusi kenyataan di sini pada Isnin.

Beliau berkata, sebanyak 25 wabak aktif HFMD dilaporkan dengan Johor Bahru merupakan daerah tertinggi iaitu 11 wabak, diikuti Kluang (tujuh), Kota Tinggi (lima), manakala Muar dan Tangkak masing-masing satu wabak.

Justeru Ling menyeru rakyat di Johor supaya sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan yang diperlukan.

"Dalam masa cuti sekolah ini, ibu bapa sila menggunakan peluang bagi mendidik anak-anak anda supaya memberi lebih perhatian terhadap kebersihan sendiri dan persekitaran.

"Bagi pengusaha institusi pendidikan pula, mereka disarankan agar membuat kerja-kerja sanitasi dan pembersihan di kawasan premis," kata beliau. - *Bernama*



Sebanyak 5,234 kes HFMD direkodkan di Johor setakat 4 Jun lepas, meningkat 50 kali ganda daripada 104 kes yang dicatat dalam tempoh sama tahun lepas.